

Tindakan pelajar untuk diri sendiri

- MAHATHIR

DR. MAHATHIR Mohamed berkata tindakan pelajar-pelajar Malaysia di Australia memburuk-burukkan negara ini ialah untuk kepentingan mereka sendiri, termasuk mendapatkan akuan kuat bagi menetap di negara tersebut.

Katauya, pelajar-pelajar tersebut telah menggunakan maklumat-maklumat palsu yang diterima dari golongan tak bertanggungjawab di sini sebagai bahan dakyah mereka.

Menteri Pelajaran itu berharap akan menemui pelajar-pelajar Malaysia di seberang-laut dalam masa yang sesuai kelak bagi menerangkan keadaan sebenar berlaku dalam negeri.

Pegawai-pegawai juga mungkin dihantar menemui mereka, termasuk untuk membuktikan tuduhan yang dibuat seperti kebuluran tidak benar berlaku.

Beliau telah sempat mene-

KUALA LUMPUR, Jum.

mui para pelajar Malaysia di Britain termasuk dari Belfast tidak lama dulu.

Katanya: "Apa yang menyedihkan ialah tuduhan-tuduhan telah dilemparkan oleh pelajar-pelajar di luarnegeri yang sekian lama telah terputus hubungan mereka dengan keadaan dalam negeri.

"Berita-berita yang mereka terimapun hanya melalui surat atau risalah yang kurang tepat."

Dr. Mahathir menyebut tuduhan pelajar terhadap kejadian yang dikatakan kebuluran di Kedah dan seorang pemimpin pelajar dari Universiti Malaya lumpuh dari leher ke bawah akibat terkena "nerve gas" sebagai contoh.

Katanya, kedua-dua tuduhan tersebut tidak benar kerana di Baling telahpun disahkan oleh sekumpulan ahli pendidik dari Universiti Kebangsaan diketuai Prof. Zainal Abidin Wahid, dengan kajian dan gambar-gambar, bahawa kebuluran tidak berlaku.

"Bukti-bukti termasuk gambar jelas menunjukkan bahawa nama-nama orang yang disenaraikan oleh pelajar-pelajar sebagai kebuluran di Baling mempunyai cukup makanan termasuk padi dan susu anak-anak mereka.

Tuduhan

"Tubuh badan orang-orang yang disenaraikan tersebut jauh sekali dari tanda-tanda kebuluran malah ada yang lebih tegap," jelasnya.

Dr. Mahathir menerangkan kebuluran mempunyai kesan yang sangat luas kerana orang-orang yang sudah kurus-kering seperti keadaan kebuluran di negara-negara luar belum tentu akan kematiannya.

Sementara tuduhan pemimpin pelajar yang telah lumpuh, beliau berkata pelajar berkenaan sekarang sedang sihat di kampus universiti berkenaan.

Menteri itu juga menyatakan Kerajaan belum dapat menentukan tindakan terhadap pelajar-pelajar Malaysia yang terlibat dengan dakyah jahat di Australia atas beberapa faktor.

Katanya, sebilangan kecil pelajar-pelajar tersebut telah lama tinggal di luarnegeri dan merasakan mereka tidak ada hubungan lagi dengan Malaysia.

Ditangkap

Mereka ingin tinggal tetap di sana dan cuba meyakinkan pihak Australia kalau mereka pulang akan ditangkap dan ditindas.

"Dakyah-dakyah jahat yang disebarkan akan lebih memperkuatkan lagi permohonan mereka dan akuan pihak berkuasa Australia untuk tinggal tetap di negara tersebut.

"Mereka sanggup berbohong dengan dakyah-dakyah yang menghina negara sendiri," kata Dr. Mahathir.

Dr. Mahathir menegaskan jika pelajar-pelajar berkenaan tinggal menetap di luarnegeri lebih elok kerana "mereka tidak ada guna lagi bagi Malaysia."